

KERTAS MODEL PT3

Bahagian A

[20 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Sistem timbangan berikut digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menimbang emas.

Mayam

Satu mayam bersamaan dengan _____.

- A 1 kati C 12 saga
B 1 bungkal D 20 leng

- 2 Apakah negara yang terlibat dengan pembinaan terusan berikut?

Terusan Suez

- A Itali C Belanda
B Jerman D Perancis

- 3 Tokoh berikut telah ditabalkan sebagai Sultan Johor Riau.

Tengku Abdul Rahman

Penabalan tersebut telah dilakukan oleh_____.

- I Bugis III Sepanyol
II British IV Belanda
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 4 Tindakan berikut berkaitan dengan langkah yang telah diambil oleh pentadbiran British.

Menubuhkan India Office

Apakah kawasan yang berada di bawah kawalan pejabat tersebut?

- I Burma III Thailand
II IndoChina IV Pakistan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 5 Kawasan-kawasan berikut kaya dengan hasil bijih timah.

- Semenyih
- Beranang

Pada awalnya, ia adalah sebahagian daripada kawasan _____.

- A Sungai Ujong
B Kuala Lumpur
C Sungai Selangor
D Kuala Kubu Baru

- 6 Antara berikut, siapakah tokoh awal yang telah dilantik untuk menggantikan pemerintahan Sultan Ali di Perak?

- A Raja Yusuf
B Raja Ismail
C Raja Mahadi
D Raja Abdullah

- 7 Apakah peranan penjawat jawatan berikut di Kelantan?

Tok Kweng

- A Mentadbir jajahan
B Menguruskan hal adat
C Melantik pembesar negeri
D Mengetuai Majlis Mesyuarat

- 8 Pernyataan berikut berkaitan dengan langkah awal yang telah dilakukan oleh British di Johor.

Mewujudkan jawatan X dalam pentadbiran kerajaan Johor

Apakah jawatan tersebut?

- A Konsul
B Residen
C Penasihat Am
D Residen Jeneral

- 9 Rajah berikut berkaitan dengan langkah awal yang telah dilakukan oleh British di Johor.

Kaum X

Mengamalkan sistem kesukuan

Apakah kaum yang dimaksudkan?

- A Kayan
B Bajau
C Murut
D Kadazandusun

- 10 Apakah kawasan yang dikuasai oleh tokoh berikut di Sabah?

Datu Karuding

- A Lahat Datu
B Marudu
C Tungku
D Kudat

- 11 Tindakan berikut dilakukan oleh pentadbiran Brooke di Sarawak.

Membahagikan Sarawak kepada beberapa bahagian

Bahagian kedua terdiri daripada kawasan ____.

- I Sungai Baram
 - II Batang Lupar
 - III Simanggang
 - IV Trusan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 12 Anda mengadakan lawatan ke kawasan berikut di Sarawak?

Kawasan Sadong

Apakah hasil galian yang diusahakan di kawasan tersebut semasa pendudukan Brooke?

- A Emas
- B Perak
- C Bijih besi
- D Arang batu

- 13 Tanaman berikut telah diusahakan secara komersial di Kuala Selangor pada tahun 1917 .



Kelapa sawit

Tanaman tersebut melibatkan pengusaha ____.

- A British
- B Belanda
- C Perancis
- D Amerika Syarikat

- 14 Pernyataan berikut berkaitan dengan tindakan yang telah dilakukan oleh kuasa Barat di negara kita.

Mewartakan Proklamasi 111 pada tahun 1889.

Pewartaan tersebut melibatkan negeri ____.

- A Sabah C Pahang
- B Sarawak D Perak

- 15 Sumbangan tokoh berikut masih diingati sehingga kini.

Abdul Rahman bin Iman Noh

Beliau lebih dikenal sebagai ____.

- A Tok Janggut
- B Dato' Bahaman
- C Yamtuan Antah
- D Haji Abdul Rahman Limbong

- 16 Tokoh berikut berperanan membantu perjuangan Mat Salleh di Sabah.

Mat Sator

Bagaimanakah nasib yang dialami oleh tokoh tersebut?

- A Dipenjarakan
- B Dilucutkan jawatan
- C Melarikan diri ke Sarawak
- D Mati terkorban

- 17 Perjuangan Rentap berjaya ditamatkan oleh Brooke.

Perjuangan berlaku selepas Brooke melancarkan serangan kali yang ____.

- A Kedua
- B Ketiga
- C Kelima
- D Keempat

- 18 Tokoh berikut telah mencadangkan penubuhan Malays Girls College.



Sultan Hisamuddin Alam Shah

Cadangan tersebut dikemukakan semasa ____.

- A Durbar di Kuala Lumpur
- B Durbar di Pekan, Pahang
- C Durbar di Klang, Selangor
- D Durbar di Seri Menanti, Negeri Sembilan

- 19 Falsafah berikut dipegang oleh pembesar kerajaan Johor.

Johor tetap Johor

Siapakah yang dimaksudkan?

- A Sultan Ibrahim
- B Sultan Abu Bakar
- C Dato' Abdul Rahman bin Andak
- D Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi

- 20 Rejimen Percubaan Askar Melayu telah ditubuhkan oleh pentadbiran British di negara kita.

Rejimen tersebut pertama kali diperkenalkan di ____.

- A Johor
- B Negeri Sembilan
- C Terengganu
- D Melaka

Bahagian B (Soalan Struktur)

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1 Pakatan British-Belanda berlaku berdasarkan perkembangan di Alam Melayu.

(a) Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi penubuhan pakatan tersebut.

[3 markah]

(b) Apakah peristiwa yang membawa kepada penglibatan Belanda dalam pakatan tersebut?

[3 markah]

(c) Nyatakan kesan pembentukan pakatan British-Belanda.

[4 markah]

2 Perjanjian Bangkok membawa kepada perubahan penting kepada Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.

(a) Jelaskan perubahan pentadbiran di:

i. Kelantan

[3 markah]


ii. Terengganu

[3 markah]

(b) Mengapakah perubahan pentadbiran dilakukan oleh British?
Gunakan pengetahuan dan pendapat anda.

[4 markah]

3 Gambar berikut berkaitan dengan penubuhan sekolah vernakular Melayu.



(a) Apakah penekanan yang diberikan kepada sekolah tersebut?

[3 markah]

(b) Mengapakah terdapat sebilangan rakyat yang mengabaikan kemajuan pendidikan.

[3 markah]

(c) Jelaskan langkah yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah ponteng sekolah pada hari ini.

[4 markah]

4 Pelbagai jenis cukai telah dilaksanakan oleh penduduk tempatan di negara kita.

(a) Bagaimanakah sistem cukai tersebut dilaksanakan:

i. Sebelum kedatangan British

[2 markah]

ii. Selepas kedatangan British

[2 markah]

(b) Mengapakah pelaksanaan sistem cukai menimbulkan kebencian kepada masyarakat tempatan di Kelantan. Beri hujah anda.

[2 markah]

(c) Sistem percukaian penting kepada sesebuah negara. Jelaskan.

[2 markah]

Bahagian C (Soalan Esei)

[40 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja.

1 Jadual berikut menerangkan tindakan yang dilakukan oleh kuasa Barat.

Menubuhkan
<ul style="list-style-type: none">• Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI)• Syarikat Hindia Timur Belanda (SHTB)

- (a) Jelaskan latar belakang penubuhan syarikat-syarikat tersebut. [4 markah]
- (b) Terangkan faktor-faktor penjelajahan dan penerokaan kuasa-kuasa Barat ke Asia. [8 markah]
- (c) Kegiatan penjelajahan dan penerokaan dapat membantu kecemerlangan seseorang individu. Berikan hujah anda. [8 markah]
- 2 (a) Jelaskan latar belakang Undang-Undang bagi Diri Kerajaan Terengganu. [4 markah]
- (b) Terangkan kandungan dan kepentingan undang-undang tersebut. [8 markah]
- (c) Ketidakpatuhan kepada undang-undang membawa keburukan kepada kita. Berikan hujah anda. [8 markah]
- 3 Dinasti Brooke telah memperkenalkan sistem perundangan di Sarawak.
- (a) Jelaskan sistem perundangan yang dilaksanakan dalam kalangan masyarakat ketikat era tersebut. [4 markah]
- (b) Mengapakah sistem perundangan diwujudkan oleh setiap negara? [8 markah]
- (c) Andaikan anda seorang pemimpin. Cadangkan langkah yang boleh anda lakukan untuk mengukuhkan sistem perundangan di negara kita. [8 markah]
- 4 Kedatangan kuasa Barat membawa kepada penentangan penduduk tempatan di Sabah.
- (a) Jelaskan faktor-faktor penentangan Mat Salleh. [4 markah]
- (b) Terangkan peristiwa penentangan tokoh tersebut. [8 markah]
- (c) Perjuangan tokoh-tokoh silam memberikan kesan kepada generasi masa kini. Beri penjelasan anda. [8 markah]